

SULTAN-SULTAN BRUNEI

SULTAN MUHAMMAD SHAH (TM 1363 - 1402)

Sultan Islam Brunei yang pertama (sebelumnya terkenal dengan nama Awang Alak Betatar). Setelah berkahwin pada TM 1368 dengan Puteri Dayang Pingai iaitu Puteri Johor atau Temasek (Singapura Tua) Baginda dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah. Pada TM 1371, menghantar utusan ke China. Dalam catatan China Baginda disebut *Ma-ha-mo-sha*. Puteri Baginda, Puteri Ratna Dewi berkahwin dengan adinda kerabat Maharaja China iaitu, Ong Sum Ping (Pengiran Maharaja Lela). Baginda lindung pada TM 1402.

SULTAN ABDUL MAJID (TM 1402 - 1408)

TM 1402, naik takhta. Tidak pernah disebut dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* tetapi ada dicatatkan dalam riwayat China. TM 1406, menghantar utusan ke China, orang Cina menyebut baginda Ma-na-je-ka-na. TM 1408, berangkat ke China dan lindung di sana ketika berusia 28 tahun, meninggalkan putera bernama Hsia-wang berusia 4 tahun.

SULTAN AHMAD (TM 1408 - 1425)

Baginda naik takhta pada TM 1408, sebelum itu terkenal dengan nama Pateh Berbai. Pengiran Bendahara yang pertama bagi Brunei. Baginda disebut dengan gelaran Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisudara. Berkahwin dengan adinda Ong Sum Ping (Pengiran Maharaja Lela). Menjadi mertua kepada Sultan Sharif 'Ali. Baginda lindung pada tahun TM 1425 dan digantikan oleh menantu Baginda, Sultan Sharif 'Ali.

Sultan Sharif Ali (Tm 1425 - 1432)

Sultan Sharif 'Ali ibnu Sharif 'Ajlal naik takhta pada TM 1425 bagi menggantikan mertua Baginda, Sultan Ahmad yang tidak mempunyai waris (putera). Baginda dijunjung untuk menjadi Sultan atas persetujuan pembesar-pembesar negara dan rakyat Brunei. Baginda keturunan Arab, berasal dari Taif. 'Pedang Si Bongkok' yang dibawa Baginda bersama ke Brunei itu membuktikan Baginda pernah menjadi Amir Makkah iaitu Al-Amir Sharif 'Ali bin Sharif 'Ajlal bin Sharif Rumaithah bin Sharif Muhammad Abu Numaie Al-Awwal, mempunyai jurai keturunan daripada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam melalui cucunda Baginda, Sayidina Hasan. Memandangkan jasa dan kearifan Baginda menyebarkan ajaran Islam maka Baginda dijodohkan oleh Sultan Ahmad dengan puteri Baginda, Puteri Ratna Kesuma. Baginda lindung pada TM 1432 dan digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Besar Sulaiman.

SULTAN SULAIMAN (TM 1432 - 1485)

Baginda naik takhta pada TM 1432 dan turun takhta pada TM 1485. Baginda lindung pada TM 1511 dan digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Bolkia.

SULTAN BOLKIAH (TM 1485 - 1524)

Baginda naik takhta pada TM 1485. TM 1521, rombongan Ferdinand Magellan dan Antonio Pigafetta melawat Brunei. Pada zaman Baginda, pemerintahan Brunei bukan sahaja meliputi keseluruhan Pulau Borneo seperti Sambas, Tanjungpura, Kota Waringin, Banjarmasin, Pasir, Kutai, Bolongan dan lain-lain bahkan Pulau-Pulau Suluk, Palawan, Keramian hingga Saludang (Luzon) iaitu daerah-daerah yang sekarang dikenali dengan nama Filipina. Zaman pemerintahan Baginda ini dikatakan sebagai zaman keemasan Empayar Brunei. Permaisuri Baginda yang termasyhur bernama Puteri Laila Menchanai. Baginda lindung pada TM 1524, dikatakan kerana cucukan jarum emas yang digunakan oleh Puteri Laila Menchanai semasa menyelam pada waktu Baginda sedang beradu dipangkuan permaisuri itu. Baginda digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Tengah 'Abdul Kahar.

SULTAN ABDUL KAHAR (TM 1524 - 1530)

Baginda naik takhta pada TM 1524. Pada TM 1521, rombongan Ferdinand Magellan dan Antonio Pigafetta telah melawat Brunei semasa Baginda menjadi Pemangku Sultan. TM 1526 seorang Portugis bernama George de Menezes datang ke Brunei bertujuan hendak menjalankan perniagaan di samping mencari pelirongan hendak menakluki Brunei. Tetapi memandangkan kekuatan Brunei ketika itu padu, dijangka agak sukar hendak dikalahkan maka maksud berniaga sahaja yang diteruskan. Sehubungan itu dia telah berjaya membuat perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan Sultan Brunei. Sejak itulah Portugis mengimport lada hitam, sagu, ikan, beras, emas dan barang makanan yang lain dari Brunei ke Melaka; di samping menggunakan pelabuhan dan perairan, Brunei menjadi tempat persinggahan dan lalu lintas perkapalan mereka dari Cochin ke Melaka, dari Melaka ke Maluku dan sebaliknya. TM 1530, seorang pegawai Portugis lain bernama Goncalo Pereira telah datang juga ke Brunei untuk memerhati keadaan Brunei sambil berniaga tetapi perniagaannya tidak berkembang dan akhirnya lenyap. Walau bagaimanapun ulama-ulama Islam masih ramai datang ke Brunei. Baginda turun takhta pada TM 1530 bergelar Paduka Seri Begawan Sultan 'Abdul Kahar. Baginda lindung pada TM 1578, dan digantikan oleh putera kakanda Baginda, Pengiran Anak Chuchu Besar Saiful Besar.

SULTAN SAIFUL RIZAL (TM 1533 - 1581)

Baginda naik takhta pada TM 1533. Pada TM 1578, Brunei telah diserang oleh Sepanyol di Manila. Serangan itu termasyhur dengan sebutan 'Perang Kastila' tetapi berjaya diundurkan oleh Pengiran Bendahara Sakam bersama Orang Kaya Harimau Padang, 100 orang pahlawan terbilang dan rakyat yang taat kepada Sultan. Pada tahun ini juga Masjid Jame' Brunei dibakar oleh Sepanyol. Baginda lindung pada TM 1581 dan digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Besar Shah Brunei.

SULTAN SHAH BRUNEI (TM 1581 - 1582)

Baginda naik takhta pada TM 1581. Tidak mempunyai putera. Setelah Baginda lindung, pada TM 1582, diganti oleh adinda Baginda, Pengiran Muda Tengah Muhammad Hasan

SULTAN MUHAMMAD HASAN (TM 1582 - 1598)

Baginda naik takhta pada TM 1582. Zaman Baginda diadakan gelaran 'Pengiran Di-Gadong' dan 'Pengiran Pemancha'. Menitahkan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela melanggar Milau (Sarawak). Baginda lindung pada TM 1598 dan digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Besar 'Abdul Jalilul 'Akbar.

SULTAN ABDUL JALILUL AKBAR (TM 1598 - 1659)

Baginda naik takhta pada TM 1598. Pada masa menaiki takhta, Baginda dibantu oleh ayahanda saudara Baginda, Pengiran Di-Gadong Besar Osman. Pada TM 1599, mengadakan perhubungan dengan Sepanyol di Manila. TM 1600, Oliver Van Noort, peniaga Belanda datang ke Brunei. Baginda lindung pada tahun TM 1659.

SULTAN ABDUL JALILUL JABBAR (TM 1659 - 1660)

Baginda naik takhta pada 1659. Baginda berputerakan Pengiran Temenggong, Shamsuddin, Raja Gayoh. Baginda lindung pada tahun 1660

SULTAN HAJI MUHAMMAD ALI (TM 1660 - 1661)

Baginda naik takhta pada 1660. Takhta kerajaan Baginda direbut oleh Pengiran Bendahara 'Abdul Hakkul Mubin kerana anaknya ditikam oleh Pengiran Muda Bongsu yang kalah bersabung ayam. Baginda lindung pada 14 Rabiulawal 1072 bersamaan 6 November 1661.

SULTAN ABDUL HAKKUL MUBIN (TM 1661 - 1673)

Baginda naik takhta pada 1661. Baginda merebut takhta kerajaan daripada Sultan Haji Muhammad 'Ali, kemudian dibela oleh Pengiran Muda Muhyiddin sehingga terjadi perang saudara selama 12 tahun. Baginda lindung pada tahun 1673.

SULTAN MUHYIDDIN (TM 1673 - 1690)

Baginda naik takhta pada tahun 1673. Mengambil alih takhta kerajaan daripada Sultan 'Abdul Hakkul Mubin. Tahun 1685, berjaya mengatasi tipu helah angkatan Sepanyol yang berpura-pura datang melawat Brunei. Zaman Baginda, Datu Dakula datang ke Brunei untuk membela ayahandanya tetapi dapat diselesaikan oleh kekandanya, Pengiran Bendahara Pengiran Muda Amir ibni Sultan 'Abdul Hakkul Mubin. Baginda lindung pada tahun 1690.

SULTAN NASRUDDIN (TM 1690 - 1710)

Baginda naik takhta pada tahun 1690. Pada masa zaman Baginda, Dato Godam datang ke Brunei. Baginda lindung pada tahun 1710.

SULTAN HUSIN KAMALUDDIN (TM 1710 - 1730) (TM 1737 - 1740)

Baginda naik takhta pada tahun 1710. Dua kali naik takhta dan akhirnya bersemayam di Luba. Pada masa zaman Baginda, negara makmur dan rezeki mudah diperolehi. Pernah mengeluarkan mata wang disebut 'pitis'. Baginda lindung pada tahun 1770.

SULTAN MUHAMMAD ALAUDDIN (TM 1730 - 1737)

Baginda naik takhta pada tahun 1730. Pernah mengeluarkan mata wang disebut 'pitis'. Baginda lindung pada tahun 1737.

SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN I (TM 1740-1795)

Baginda naik takhta pada tahun 1740. Pada tahun 1775, menitahkan Pengiran Temenggong Pengiran Ampa mengeluar angkatan Suluk yang diketuai oleh Datu Teting yang hendak melanggar Brunei dan berjaya mengalahkannya. Baginda lindung pada tahun 1795.

SULTAN MUHAMMAD TAJUDDIN (TM 1795-1804) (TM 1804-1807)

Baginda naik takhta pada tahun 1795. Dua kali naik takhta. Sultan Brunei yang pernah menghantar utusan ke China untuk memasarkan barang-barang Brunei di sana. Pernah menghantar utusan untuk berbaik-baik dengan Sepanyol di Manila. Baginda lindung pada tahun 1807.

SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM I (TM 1804)

Baginda naik takhta pada 26 April 1804. Berada di atas takhta selama kira-kira 7 bulan sahaja sebelum Baginda lindung pada 19 November 1804.

SULTAN MUHAMMAD KANZUL `ALAM (TM 1807-1826)

Baginda naik takhta pada tahun 1807. Pada tahun 1821, mengeluarkan dan menurunkan wang 'pitis' ke padian. Tahun 1809, angkatan dari Inggeris yang diketuai oleh 'Si Merah' datang ke Brunei membawa kuyuk (anjing) besar dan garang untuk dilawan oleh orang Brunei dan dapat dikalahkan oleh Pengiran Muhammad Daud; kerana kejayaannya ia diarak menjadi 'Pengiran Pemancha'. Dia juga berjaya menangkap harimau hadiah Sultan Terengganu yang terlepas daripada kandangnya. Pada tahun 1823, utusan Kerajaan Belanda datang ke Brunei. Pada masa zaman Baginda, Pengiran Muhammad Salleh diangkat menjadi Pengiran Indera Mahkota dan dititahkan memerintah Sarawak. Baginda turun takhta pada tahun 1826.

SULTAN MUHAMMAD ALAM (TM 1826-1828)

Baginda naik takhta pada tahun 1826 iaitu semasa hayat ayahanda Baginda.

SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN II (TM 1828-1852)

Baginda naik takhta pada tahun 1828. Pada tahun 1839, James Brooke datang ke Sarawak. Tahun 1842, James Brooke dilantik menjadi Rajah Sarawak. Tahun 1845, Baginda menyerahkan Pulau Labuan kepada Inggeris. Tahun 1846 angkatan yang diketuai oleh James Brooke menyerang Brunei. Tahun 1847, menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan dengan Inggeris. Baginda lindung pada tahun 1852.

**SULTAN ABDUL MOMIN (TM 1852-1885)**

Baginda naik takhta pada tahun 1852. Tidak mempunyai zuriat. Pada tahun 1853, membuat perjanjian dengan James Brooke mengenai hak-hak kekuasaan kedua-dua belah pihak. Pada tahun 1856, membuat perjanjian dengan Inggeris mengenai perbicaraan rakyat Inggeris yang melakukan kesalahan jenayah dan pertelingkahan di Brunei. Pada tahun 1858, Pengiran Shahbandar Pengiran Muhammad Salleh terbunuh setelah dilemaskan oleh pengkhianat yang memusuhinya. Pada tahun 1877, membuat perjanjian dengan Gustavus Baron de Overback dan Alfred Dent mengenai pemajakan ke atas wilayah-wilayah Brunei di Sabah. Baginda lindung pada tahun 1885 ketika berusia lebih 100 tahun.

**SULTAN HASHIM JALILUL ALAM AQAMADDIN (TM 1885-1906)**

Baginda naik takhta pada tahun 1885. Pada tahun 1887, membuat permohonan bertulis kepada Kerajaan Baginda Queen untuk mengadakan Residen British di Limbang tetapi tidak dipersetujui oleh pihak Kerajaan Baginda Queen kerana masalah kewangan. Pada tahun 1888, membuat perjanjian dengan Inggeris dengan meletakkan pengawalan hubungan luar negeri Brunei di bawah pentadbiran Inggeris. Baginda lindung pada tahun 1906

**SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM II (TM 1906-1924)**

Baginda naik takhta pada tahun 1906, ketika berusia 17 tahun. Pada tahun 1906, penubuhan Pasukan Polis Brunei; Brunei mempunyai Bendera Kebangsaannya sendiri. Pada tahun 1911, Sekolah Melayu mula didirikan. Pada tahun 1922, rancangan pembangunan mula giat dijalankan. Pada masa zaman Baginda kerja-kerja cari gali minyak giat diusahakan. Pada tahun 1922 berpindah dari Istana Kampong Ayer ke Istana Majlis. Baginda lindung pada tahun 1924.



SULTAN AHMAD TAJUDDIN (TM 1924-1950)

Baginda naik takhta pada tahun 1924 Dalam usia 11 tahun. Pada tahun 1927, merasmikan pembukaan jalan raya Brunei–Tutong. Pada tahun 1929, merasmikan pembukaan Rumah Sakit Bandar Brunei. Tahun yang sama minyak mula ditemui di Seria. Pada tahun 1932, berangkat melawat England dan Eropah. Pada tahun 1941, Jepun menduduki Brunei. Pada tahun 1945, Tentera Bersekutu mendarat di Brunei. Manakala pada tahun 1946, Lagu Kebangsaan Brunei mula digubah oleh Awang Besar Sagap dan senikatanya oleh Yura Halim. Pada tahun 1946, mengambil alih kuasa memerintah daripada *British Military Administration*(BMA). Tahun 1949, menyambut Jubli Perak 25 tahun pemerintahan. Baginda lindung pada tahun 1950.

**SULTAN OMAR 'ALI SAIFUDDIEN III (TM 1950-1967)**

Tahun 1947, diarak menjadi Pengiran Bendahara. Tahun 1950, naik takhta. Tahun 1951, menunaikan Fardhu Haji kali pertama. Tahun 1951, mencadangkan rancangan perpindahan bagi penduduk Kampong Ayer ke tanah darat; Lagu Kebangsaan Brunei 'Allah Peliharakan Sultan' diakui secara rasmi. Tahun 1953, mengemukakan cadangan bagi Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei. Tahun 1953, mula menubuhkan Sekolah Inggeris; mula membina Masjid Besar di Bandar Brunei yang siap dalam Tahun 1958, dinamakan Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Tahun 1953, menerima Bintang Kebesaran daripada Duli Yang Maha Mulia Queen Elizabeth II yang membawa gelaran 'Sir'. Tahun 1955, membuat Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun pertama. Tahun 1957, Radio Brunei memulakan penyiarannya. Tahun 1959, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad memulakan pengorekkan minyak di luar pantai; menandatangani dan memasyhurkan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei di Lapau, Bandar Brunei. Tahun 1961, menubuhkan Pasukan Askar Melayu Brunei yang kemudiannya dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; cadangan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Tahun 1962, menunaikan Fardhu Haji kali kedua; pemberontakan meletus di Brunei. Tahun 1963, memutuskan Brunei untuk tidak bergabung dalam Malaysia. Tahun 1967, Brunei mengeluarkan mata wang sendiri. Lebih 33 kali berangkat ke luar negeri antara Tahun 1951 – 1967, Tahun 1967, menurunkan diri dari takhta kerajaan, bergelar Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Baginda lindung pada tahun 1986.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-
MARHUM SULTAN HAJI OMAR `ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN (1967-SEKARANG)**



❖ Tempat dan Peristiwa Bersejarah

TEMPAT DAN PERISTIWA BERSEJARAH	
JAMBATAN EDINBURGH	
<p>Jambatan Edinburgh adalah mengambil nama sempena lawatan pertama kali Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ke Brunei dalam tahun 1959. Jambatan ini menyeberangi Sungai Kedayan yang menghubungkan dari Bandar Brunei ke Tutong dan Kuala Belait. Pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh selaku Tetamu Diraja itu sendiri pada 28 Februari 1959 jam 3.26 petang. Ia merupakan salah sebuah daripada empat buah jambatan yang dibina oleh Kerajaan yang menelan belanja sebanyak \$2,219,000.00 di bawah peringkat pertama rancangan jalan dan jambatan yang menelan belanja kira-kira \$70,000,000.00. Ianya adalah antara usaha baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam membaiki dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan sosial di Negeri Brunei pada tahun 1950-an.</p>	
PINTU GERBANG SEMPENA PERUSPAAN	
<p>Pintu Gerbang sempena Istiadat Perpuspaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-29 pada 1 Ogos 1968 telah disembahkan oleh Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusuf.</p> <p>Pada asalnya Pintu Gerbang ini didirikan di kawasan Kampong Sultan Lama tapi telah dipindahkan ke sebelah dalam sedikit setelah Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dibina pada bulan Oktober 1993.</p>	
JAM PERINGATAN	
<p>Jam Peringatan adalah merupakan sebuah tugu yang diperbuat daripada simen. Di bahagian keempat penjuru sebelah atasnya diletakkan sebuah jam Seiko. Ianya terletak di Simpang Jalan Sultan dengan Jalan Elizabeth Kedua iaitu di antara bangunan Setiausaha Kerajaan dengan Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan. Istiadat perletakkan batu asas bagi Jam Peringatan ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Malaysia yang pertama, Persekutuan Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman pada 11 Julai 1959 bersempena dengan lawatan keberangkatan baginda ke Negeri Brunei bermula dari 6 hingga 12 Julai 1959. Dengan terbinanya Jam Peringatan ini ianya melambangkan keteguhan dan keamatan perhubungan antara Negeri Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu.</p>	
BUBUNGAN DUA BELAS	

<p>Bubungan Dua Belas merupakan antara bangunan dianggap bersejarah di negara ini. Bangunannya terletak di lereng Bukit Subok, Jalan Residency dan jaraknya dari pusat bandar ialah kurang lebih 1½ kilometer. Bangunan ini dinamakan Bubungan Dua Belas kerana ia mempunyai dua belas bumbung yang bertingkat-tingkat. Ia didirikan setelah bermulanya sistem pentadbiran Residen British di Brunei sejak tahun 1906. Pada mulanya bangunan ini merupakan tempat kediaman rasmi bagi Mr. MacArthur, Residen British yang pertama di Brunei. Di sekitar kawasan bangunan ini sebelumnya juga menempatkan antaranya Pusat Pentadbiran, Balai Polis, <i>Head Quarters</i> Kakitangan Kerajaan dan lain-lain lagi. Pembinaan bangunan ini mula dilaksanakan dalam bulan Julai 1907 dan kontraktornya pula telah didatangkan dari luar negeri. Manakala para pekerja buruh adalah terdiri daripada anak-anak tempatan. Peralatan bagi pembinaan bangunan didatangkan dari Sandakan, Sabah. Bangunan Bubungan Dua Belas ini masih kekal hingga kini dengan tidak banyak mengalami perubahan dan sekarang ianya di bawah Pemuliharaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.</p>	
<p>MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN</p>	
<p>Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah mula dibina pada 4 Februari 1954 atas hasrat dan cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Baginda telah mengangkat mertabat ugama Islam ke tempat yang tinggi dan menjadikan ugama Islam sebagai ugama rasmi Negeri Brunei Darussalam. Ianya dibina di atas sebidang tanah seluas lima ekar berdekatan dengan pinggir Sungai Brunei, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan merupakan salah sebuah masjid terindah di Asia Tenggara. Bangunan masjid ini mempunyai bentuk senibina Islam klasik, dihias dengan mozek emas, marmar dan kaca berwarna-warni. Menaranya mempunyai lif dan kubahnya diperbuat daripada emas setiap satunya berukuran 53 dan 54 meter tinggi. Di kawasan lagun pula dibina sebuah kapal konkrit yang berbentuk Kenaikan Diraja kurun ke-16. Masjid ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28 pada hari Jumaat, 26 September 1958. Masjid ini boleh menampung jemaah seramai 3,000 orang.</p>	
<p>LUMUT LUNTING DAN PULAU PILONG-PILONGAN</p>	
<p>Lumut Lunting terletak di antara Pulau Sibungur dengan Pulau Berambang di kawasan Sungai Brunei. Lumut Lunting adalah merupakan legenda yang dikaitkan mengenai dengan kisah persabungan ayam di antara Brunei dengan Majapahit seperti yang terdapat dalam <i>Syair Awang Semaun</i>. Cerita persabungan ayam ini telah menjadi cerita lisan yang terkenal di kalangan masyarakat Brunei dan dipertuturkan daripada satu generasi ke satu generasi. Menurut <i>Syair Awang Semaun</i>, ketika Brunei diperintah oleh Awang</p>	

Alak Betatar, Batara Majapahit yang bernama Raden Angsuka Dewa telah datang ke Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam. Raden Angsuka Dewa mempunyai seekor ayam sabung yang perkasa diberi nama Asmara dan telah banyak mengalahkan ayam sabung dari negeri-negeri yang lain. Mamandangkan di Brunei juga terdapat ayam sabung yang perkasa, dipunyai oleh Awang Senuai iaitu anak saudara Awang Alak Betatar. Ayam tersebut diberi nama Mutiara, maka Ratu Majapahit telah menyatakan kepada Raja Brunei untuk mengadakan perlawanan bersabung ayam. Dalam perlawanan itu Betara Majapahit telah membuat pertaruhan iaitu jika ayamnya kalah, baginda akan menyerahkan 40 buah kapal serta isi harta di dalamnya kepada Raja Brunei dan sebaliknya jika ayam Raja Brunei kalah, Raja Brunei hendaklah menyerahkan sebahagian daripada wilayah kekuasaan baginda kepada Majapahit. Dalam persabungan itu ayam Ratu Majapahit telah kalah dan terbang melarikan diri, lalu jatuh ke laut berdekatan dengan Pantai Muara dan seterusnya menjadi batu, dikenali dengan nama Pilong-Pilongan. Kekalahan ini menyebabkan Ratu Majapahit merasa malu dan murka lalu menyumpah Mutiara menjadi batu. Akibat sumpahan itu, Mutiara yang sedang terbang telah jatuh ke Sungai Brunei dan menjadi batu yang seakan-akan menjadi sebuah pulau kecil dan dikenali dengan nama Lumut Lunting. Kedua-dua tempat ini, Pulau Pilong-Pilongan dan Lumut Lunting masih kekal dan dapat dilihat sehingga sekarang. Menurut cerita orang tua-tua, Lumut Lunting ini dipercayai boleh menjadi satu tanda alamat kepada Negeri Brunei, iaitu sekiranya akan berlaku sesuatu peristiwa yang mendukacitakan menimpa Negeri Brunei, menurut kepercayaan, pulau ini tiba-tiba akan ghaib atau hilang. Menurut cerita lain pula jika Lumut Lunting dilanda banjir, adalah juga dipercayai sebagai petunjuk bahawa sesuatu peristiwa yang mendukacitakan akan berlaku ke atas Negeri Brunei. Bagaimanapun itu adalah sebagai kepercayaan sahaja semata-mata. Sesungguhnya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui.



CENDERA LAMBANG KENANGAN

Cendera Lambang Kenangan adalah sebuah gerbang yang dibina khas dengan ketinggian 10 meter, yang telah direka khas bagi Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penukaran Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan. Ianya terletak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Pembinaan Cendera Lambang Kenangan menelan belanja lebih \$60,000.00 dan ianya telah disumbangkan oleh Syarikat Brunei Shell. Sementara itu rekabentuknya pula adalah ihsan daripada Arkitek Idris dan jurutera tempatan. Cendera Lambang Kenangan yang tersergam indah ini terukir dengan perkataan Bandar Seri Begawan 1970 - 1995. Pembinaannya dihasratkan untuk membangun dan mengindahkan serta mencantikkan lagi Bandar Seri Begawan. Struktur lambang ini memperkenalkan satu elemen struktur taman tiga dimensi



ISTANA DARUSSALAM

Istana Darussalam yang terletak dengan megahnya di tepi tebing Sungai Kedayan merupakan contoh sebuah bentuk bangunan Melayu asli yang terbaik di zamannya. Ianya telah dibina daripada kayu dalam tahun 1947 dan kemudian beberapa bahagian seperti tiang dan pak-pak telah diganti dengan konkrit. Bangunan Istana Darussalam ini berwarna hijau dan coklat dengan bentuk sebuah rumah Melayu yang unik. Hingga ke hari ini bangunan istana tersebut dapat dilihat tersegam indah berbeza dengan kelompok rumah-rumah kampung yang terdapat di sekitarnya. Pelbagai upacara negara telah disempurnakan di istana ini, antaranya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah diarak menjadi Bendahara pada 15 Julai 1947 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diputerakan pada 15 Julai 1946. Istana Darussalam tidak lagi digunakan oleh keluarga Diraja pada ketika ini tetapi pada tiap-tiap hari Jumaat majlis tahlil diadakan di ruang utama oleh pegawai-pegawai dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Dalam tahun 1951 keluarga Diraja telah berpindah dari Istana Darussalam ke Istana Darul Hana dan untuk seketika Istana Darussalam telah sempat digunakan untuk menempatkan tetamu-tetamu terdiri daripada rakan-rakan sedarjah Duli Yang Teramat Mulia Seri Begawan Sultan ketika menuntut di Malay College, Malaysia.



TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR' ALI SAIFUDDIEN, BANDAR SERI BEGAWAN.

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien terletak di pusat Bandar Seri Begawan ialah sebuah taman tempat berlangsungnya upacara-upacara negara seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan, Musbaqah Membaca Al-Quran, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam dan sebagainya. Sesuai dengan kegunaannya bagi upacara-upacara yang besar, taman ini juga terdapat dua buah pentas yang dibuat daripada konkrit di samping taman bunga sebagai usaha untuk menyerikan dan mencantikan lagi kawasan berkenaan dan juga ibu negara. Sebelumnya taman ini dikenali dengan nama Padang Besar, setelah ianya siap diubah suai dan dipindahkan dalam tahun 1983 maka ianya telah ditukar nama menjadi Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sempena mengambil nama AlMarhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. Taman ini juga merupakan tempat yang bersejarah kerana di sinilah juga berlangsungnya Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Usaha-usaha Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan hasrat negara bagi mencapai taraf pendidikan tertinggi di negara ini terbukti dengan terbinanya kampus kekal, Universiti Brunei Darussalam, Kampong Tungku, Gadong yang mana pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 September 1995.



MAKAM SULTAN SHARIF ALI

Makam Sultan Sharif Ali bertarikh TH 836 bersamaan TM 1432 terletak di Perkuburan Islam Kota Batu, Bandar Seri Begawan. Sultan Brunei ke-III memerintah dari TM 1425 - TM 1432. Menurut *Salasilah Raja-Raja Brunei*, Sultan Sharif Ali yang menjadi menantu kepada Sultan Ahmad dan termasyhur dengan nama Sultan Berkat adalah berasal dari Taif, keturunan daripada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam menerusi Sayidina Hasan. Baginda datang ke Brunei sebagai mubaligh Islam yang bersungguh-sungguh menjalankan dakwah Islamiah. Perkahwinan baginda dengan puteri Sultan Ahmad, Puteri Ratna Kesuma adalah menjadi suatu ikatan yang mengukuhkan kedudukan baginda sebagai mubaligh Islam di Brunei. Tatkala Sultan Ahmad (Sultan Brunei II) lindung, berkebetulan baginda tidak mempunyai putera, maka dengan permintaan orang Brunei baginda telah dijunjung untuk menjadi Sultan Brunei Ke-III yang memerintah dalam TM 1425 - TM 1432.



MAKAM SULTAN BOLKIAH

Makam Sultan Bolkiah terletak di Kota Batu, Bandar Seri Begawan. Dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei*, Sultan Bolkiah adalah Sultan Brunei yang ke-V. Baginda mula memerintah dianggarkan dalam TM 1485 iaitu setelah ayahanda baginda, Sultan Sulaiman (lindung TM 1511) menurunkan diri dari Takhta Kerajaan.

Sultan Bolkiah adalah Sultan yang gah namanya, dihormati dan dikasihi oleh sekalian rakyat dan pembesar baginda. Baginda suka belayar ke luar negeri dan kemudian membawa oleh-oleh untuk dijadikan bahan kemajuan negara dan rakyat Brunei. Setiap kali apabila baginda berangkat, baginda gemar membawa nobat (gendang) kebesaran Diraja, kerana itu baginda terkenal dengan nama 'Anakkuda Ragam' atau 'Nakhoda Ragam'. Dalam *Brunei in the Boxer Codex*, baginda disebut Sultan Salan iaitu sebutan bagi Sultan Abdul Salam Bolkiah, manakala dalam *Hikayat Hang Tuah*, baginda terkenal dengan gelaran Adipati Sulok. Dalam zaman pemerintahan baginda, kekuasaan Brunei bukan sahaja meliputi keseluruhan Pulau Borneo bahkan Pulau-Pulau Suluk, Palawan, Balayan, Mindoro, Bonbon hingga Saludang. Sultan Bolkiah yang banyak berjasa kepada negara



dan rakyat Brunei lindung pada TM 1524 ketika dalam pelayaran membawa permaisuri baginda Puteri Laila Menchanai ke Brunei.	
MAKAM SULTAN MUHAMMAD KANZUL ALAM	
<p>Makam Sultan Muhammad Kanzul Alam terletak di atas sebuah bukit arah timur laut, kira-kira 200 meter dari letak kereta VIP Kubah Makam Diraja. Baginda yang terkenal dengan mana 'Pengiran Di-Gadong Ayah' merupakan Sultan Brunei ke-21 yang memerintah Brunei. Baginda dimasyhurkan menjadi Sultan dalam TM 1807 dan turun dari takhta dalam TM 1826 atas sebab kesihatan baginda yang tidak mengizinkan untuk terus memerintah Brunei dan digantikan oleh putera baginda Sultan Muhamad Alam.</p>	



Ristaan Sejarah

RISTAAN SEJARAH	
1.	Orang Inggeris Pertama Datang Ke Brunei
2.	Perasmian Tugu Peringatan di Pekan Bangar, Temburong
3.	Berakhirnya Pertukaran Mata Wang Negara Brunei Darussalam dengan Mata Wang Malaysia
4.	Bangunan Sekolah Melayu Mentiri
5.	Perasmian Tugu Peringatan di Pekan Bangar, Temburong
6.	Penubuhan Biro Pencegah Rasuah
7.	Sejarah Negara Brunei Darussalam
8.	Kerajaan Awal Brunei
9.	Perdagangan Awal Brunei
10.	Pemerintahan Brunei Sebelum Islam
11.	Brunei Setelah Menerima Agama Islam
12.	Slogan dan Panji-Panji Brunei.
13.	Enakmen 1912: Satu Tinjauan Awal
14.	Orang Melabau.
15.	Pemerintahan Sultan Omar `Ali Saifuddien III (1950-1967)
16.	Istana-Istana di Brunei.
17.	Ristaan Bandar Brunei.
18.	Sejarah Awal Minyak di Brunei
19.	Brunei dalam <i>The North Borneo Herald</i>

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

Perpustakaan & Pusat Pengkajian Borneo - Pusat Sejarah mengalu-alukan kepada sesiapa sahaja untuk membuat penyelidikan dan rujukan di Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo. Mereka perlu memohon kebenaran bertulis kepada Pengetua Pusat Sejarah.

Penyalinan Foto - Permohonan bagi mendapatkan salinan foto boleh disediakan tertakluk kepada Pengetua Pusat Sejarah dengan syarat semua kos pembiayaannya akan ditanggung oleh pemohon.

Pameran Bergerak - Permohonan bagi mengadakan pameran dan perkhidmatan dalam hal-hal pameran hendaklah menghadapkannya kepada Pengetua Pusat Sejarah tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh pameran berkenaan diadakan.

Lawatan - Orang ramai dialu-alukan untuk melawat ke Pameran Pusat Sejarah dan tempat-tempat bersejarah pada waktu-waktu pejabat. Permohonan bagi mengadakan lawatan rasmi hendaklah dihadapkan kepada Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

Kedai Buku - Kedai buku Pusat Sejarah menjual bahan-bahan terbitan Jabatan dalam bentuk buku, jurnal, dan majalah. Waktu perniagaan adalah pada waktu-waktu pejabat.